

KEBEBASAN MEDIA DI MALAYSIA DARI KONTEKS SOSIAL

Safiyah Ahmad Sabri ⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah Kanan. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. safiyah@usim.edu.my

Abstrak

Kebebasan media dari dulu hingga kini masih sering dipersoalkan. Persoalan tentang ketelusan dan konten yang dikawal di Malaysia banyak membicarakan tentang isu pemilikan agensi media itu sendiri serta kepentingan pemegang sahamnya. Namun, apakah yang membezakan media Malaysia dengan negara lain? Apakah keperluan kepada limitasi yang berupa kawalan konten ini? Kertas ini membincangkan tentang keperluan kawalan konten dalam media di Malaysia dari segi konteks sosial di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Melalui temuduga bersama 10 orang pengamal media di Utusan Malaysia dan The Star, satu analisis telah dilakukan dengan menggunakan perisian Noivo melalui pembahagian tema dari konteks sosial. Dapatan kajian mendapati betapa perlunya kawalan konten dalam berita yang ditulis di media berikutan perbezaan yang terdapat dalam lapisan masyarakat majmuknya. Dapatan ini diharap dapat membuka minda orang ramai tentang keperluan kawalan ini mengikut situasi dan keadaan yang berbeza.

Keywords: kawalan konten, media Malaysia, masyarakat majmuk, pemilikan media, kebebasan media

PENGENALAN

Perkembangan teknologi yang mendadak dari semasa ke semasa merupakan pelbagai kelebihan bagi Malaysia dalam menuju ke arah sebuah negara maju. Kewujudan media baharu yang boleh dikatakan bukan lagi baharu misalnya, yang telah memupuk trend dalam kalangan masyarakat dunia seperti penggunaan media sosial; Twitter, Tiktok, Facebook, Instagram, Whatsapp dan sebagainya menjadikan penerimaan dan pencarian berita menjadi lebih luas dan bersifat terbuka. Ini membuka lebih banyak ruang dan potensi ke arah pembentukan dan penyebaran berita palsu dan sebagainya. Dalam sesetengah kes, berita yang disebar juga boleh mengandungi unsur-unsur hasutan yang boleh memecah-belahkan antara kaum. Situasi ini berpunca daripada konten yang

tidak dikawal dan ditapis dan seterusnya menyebabkan perpecahan dalam masyarakat setempat seperti peristiwa berdarah yang berlaku pada 13 Mei 1969.

Amalan media di Malaysia sering dikaitkan dengan pelbagai pendapat yang mengarah kepada media yang tidak bebas. Dalam banyak negara maju, media di negara-negara tersebut dikatakan dan dianggap bebas sepenuhnya (Adeyeri, 2011). Perbezaan amalan media Malaysia dan negara-negara tersebut juga dibincangkan sama ada dari dalam mahu pun di luar negara. Perbezaan ini perlu dirujuk dalam konteks yang berbeza apabila dibandingkan situasinya dalam sesebuah masyarakat majmuk.

Melalui konteks masyarakat majmuk ini, media boleh menjadi satu ancaman yang boleh mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman nasional. Sebagai contoh, isu-isu yang berkaitan dengan kaum dan agama merupakan antara isu paling sensitif dalam kalangan masyarakat ini. Antara isu yang pernah terjadi adalah seperti isu murtad Lina Joy yang berlaku pada tahun 1990an dan terjemahan perkataan 'God' kepada 'Allah' dalam majalah Kristian yang berlaku sejak tahun 2009 dan perbicaraannya masih diteruskan sehingga kini (Muhammad Raqib Mohd Sofian & Azman Azwan Azmawati, 2019).

Dalam hal seperti ini, penulisan berita berkenaan dua isu tersebut perlu dilakukan dengan berhati-hati di mana wartawan perlu mengikut kehendak atau kepentingan kepada pemilik agensi media yang menjadi majikannya. Pada masa yang sama, wartawan juga bergelut dengan pegangan dan kepercayaan kepada agama yang dianuti (Safiyah Ahmad Sabri, 2022). Tetapi perkara yang paling diutamakan adalah untuk tidak menulis konten yang boleh menimbulkan perbalahan di antara kaum-kaum yang terlibat. Ini merupakan satu cabaran bagi wartawan yang mungkin keadaannya berbeza dengan negara-negara lain.

METODOLOGI

Bagi mencapai objektif kajian ini, sesi temuduga telah dijalankan dalam kalangan 10 orang pengamal media yang telah bekerja lebih daripada lima tahun yang merupakan responden kajian. Mereka ini terdiri daripada para editor dan wartawan daripada dua buah agensi berita; Utusan Malaysia dan The Star. Pemilihan kedua-dua agensi ini

dilakukan berikutan menjadi antara agensi utama negara dengan dua bahasa yang berlainan; Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kedua-duanya juga pernah berdepan dengan kontroversi yang melibatkan agama dan kaum yang mengukuhkan lagi kepada pemilihan tersebut (Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein, 2014). Atas permintaan, responden telah meminta untuk merahsiakan identiti demi tujuan reputasi dan nama baik agensi dan peribadi.

Kajian ini telah mengguna pakai kaedah kualitatif dengan menganalisis tema-tema yang telah diwujudkan daripada konteks sosial yang terdiri daripada politik, ekonomi, budaya, agama, gender dan pendidikan yang telah dibangunkan oleh pengkaji yang merujuk kepada definisi 'konteks sosial' itu sendiri. Setelah tema ditetapkan, data daripada temuduga-temuduga tersebut telah dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo 12. Analisis tersebut telah memperincikan lagi respon-respon dalam kategori kumpulan tema dan seterusnya memberi hasil kepada dapatan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Seperti yang telah dinyatakan, objektif kajian adalah untuk mengkaji keperluan kawalan konten media di Malaysia dalam penulisan berita dari segi konteks sosial melalui tema-tema yang telah dibangunkan; politik, ekonomi, budaya, agama, gender dan pendidikan. Perbincangan hasil dapatan telah dikelaskan mengikut tema-tema tersebut.

Dari segi politik, hampir semua pengamal media bersetuju bahawa mereka memang perlu menulis mengikut kehendak pemilik demi menjaga kepentingan politik pemilik agensi tersebut. Keadaan ini menurut responden A1, A3, dan B4 menyatakan bahawa ia adalah situasi normal di mana kesemua pengamal media faham bahawa mereka perlu patuh kepada kehendak ini atas nama majikan yang membayar gaji mereka. Sebagai contoh responden A3 yang mengatakan "Samalah macam agensi-agensi lain yang mana kita perlu tahu misi dan visi syarikat yang mana kita dah bersetuju daripada awal ketika mula diambil bekerja...". Perkara ini dipersetujui oleh majoriti responden di mana B4 pula menyatakan "Takkanlah kita bekerja di rumah ni, tapi nak ikut peraturan rumah sebelah pulak...". Namun, kawalan konten dari segi politik ini kebiasaannya adalah tidak perlu dikawal kerana masing-masing faham akan

tugas dan tanggungjawab mereka dan tidak menjadi satu ancaman kepada keamanan sosial masyarakat setempat.

Daripada segi ekonomi pula, kesemua responden menyatakan bahawa kategori inilah yang paling tidak mengganggu apa-apa yang boleh mengarah kepada pepecahan masyarakat. Dalam kata lain, konten dalam subjek ekonomi memang tidak akan menyebabkan berlakunya pergaduhan atau perselisihan faham yang boleh mengakibatkan huru-hara dalam masyarakat berbilang bangsa. Responden B5 menyatakan “Dia yang ni bukan akan jadi orang Melayu pi gaduh dengan orang India, India pi gaduh dengan Cina. Marah pasal harga contohnya, hat tu semua orang marah tapi tak sampai nak berperang sama sendirilah...”

Ini berbeza dengan kategori budaya dan agama yang mana kesemua responden menyatakan bahawa mereka selalu diingatkan tentang bahaya dalam menulis tentang isu agama dan budaya. Sebagai contoh, responden A2 menyatakan bahawa mereka selalu dinasihatkan supaya berhati-hati dalam melaporkan tentang isu-isu kaum dan agama ini. Responden B3 pula menyebut, “Tulislah apa yang disebut dalam mahkamah sahaja... maknanya perbicaraan atau keputusan kepada perbicaraan tu je...” Beliau menyambung, dalam menulis tentang isu ini, mereka perlu bertindak neutral dan berpandukan sepenuhnya kepada apa yang berlaku di mahkamah sahaja. A5 pula menambah, “Kadang-kadang, ada juga benda yang kita tak tulis pun contoh isu baling kepala lembu dalam kuil, baling kepala babi dalam masjid... bunyi macam best jadi berita, tapi fikir balik kesan dia, kita dinasihatkan jangan...”. Responden A1 pula mengatakan bahawa dalam mereka perlu mengejar berita yang berbentuk sensasi yang akan menarik ramai pembaca, tetapi mereka juga faham tanggungjawab media dalam membantu mengukuh dan mengekalkan keamanan nasional dalam kalangan masyarakat yang pelbagai seperti Malaysia.

Kategori yang terakhir adalah gender dan pendidikan yang mana sekali lagi, kesemua responden mengatakan bahawa konten bagi kategori ini adalah lebih kepada bersifat tidak membahayakan. Namun, responden B1 ada menyatakan, “Tapi kadang-kadang, contoh isu sekolah kebangsaan dan SKJC pun kadang-kadang kita tak payahlah nak *exaggerate* sangat... benda dah setuju, dah jalan, kita lapor je apa yang baru, apa yang tidak...” Responden A1 dan B4 juga mengatakan mereka sebenarnya boleh memilih untuk mensensasikan isu-isu seperti itu seperti dengan menemubual

mereka yang mempunyai kepentingan tersendiri. Namun, dalam hampir semua hal, mereka memilih untuk tidak memperbesar isu-isu tersebut demi keselamatan dan keamanan masyarakat.

PERBINCANGAN

Melalui hasil dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa pengamal media daripada kedua-dua agensi media mempunyai pandangan yang sama daripada keenam-enam kategori; politik, ekonomi, budaya, agama, gender dan pendidikan. Walaupun kategori-kategori politik, ekonomi, gender dan pendidikan didapati tidak begitu perlu dikawal dari segi kontennya, namun potensi bahaya tetap ada jika mereka memilih untuk mensensasikan isu-isu tersebut. Malah, mereka jelas dan faham dengan perbezaan yang wujud dalam kalangan masyarakat majmuk berbanding negara-negara lain yang mungkin hanya dimonopoli oleh kaum-kaum tertentu.

Keadaan ini adalah berbeza sama sekali dengan kategori budaya dan agama di mana kesemua responden menyatakan bahawa mereka perlu sangat berhati-hati dalam menulis isu-isu atau konflik yang berkaitan dengan budaya dan agama. Disebabkan itu, selain daripada kawalan yang biasanya dilakukan oleh *gatekeeper* yang biasanya dilakukan oleh editor, mereka juga belajar daripada pengalaman yang telah dilalui oleh kedua-dua agensi tersebut di mana kesalahan kecil seperti susunan berita di muka surat dan penempatan artikel di halaman yang salah juga boleh menjadi isu jika ia melibatkan isu budaya dan agama. Dalam hal ini, kesemua responden menyatakan bahawa kawalan konten bagi berita yang menyentuh isu budaya dan agama ini adalah sangat perlu bagi mengelakkan berlakunya perselisihan faham dan pergaduhan dalam kalangan masyarakat.

Perbezaan pelaksanaan pemerintahan negara berbanding negara-negara lain juga berbeza yang mungkin menyebabkan laporan media mereka lebih berbentuk bebas berbanding di Malaysia. Hal ini juga disebabkan oleh pemilikan media yang biasanya dikaitkan dengan parti-parti politik yang ada di Malaysia sama ada yang memerintah mahupun parti lawan mengikut keadaan semasa.

Kesemua responden juga bersetuju dan faham kepada keperluan mereka menjaga keamanan nasional dalam masyarakat. Mereka juga ada menandatangani Aku

Janji ketika mula-mula berkhidmat di mana membantu kerajaan dalam mengekalkan keamanan nasional adalah merupakan salah satu tanggungjawab utama mereka selain menyebarkan maklumat kepada orang ramai.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa pengamal media di Malaysia telah difahamkan mengenai tanggungjawab mereka dalam membantu kerajaan untuk mengekal dan mengukuhkan lagi keamanan dalam negara. Walaupun mereka akan terus memperjuangkan kebebasan akhbar, tetapi dari konteks sosial, kawalan konten adalah perlu terutamanya yang melibatkan isu-isu yang berbentuk perkauman, budaya dan agama. Limitasi seperti ini juga perlu wujud di mana kebebasan yang dimaksudkan tetap akan mempunyai had dalam hal-hal yang tertentu. Malah, terlalu bebas juga boleh menyebabkan diskriminasi terhadap sesebuah kumpulan, komuniti, mahupun seseorang individu (Nur Amali Aminnuddin, 2020). Disebabkan itu, pengamal media bertindak untuk melaporkan dengan lebih berhati-hati apabila berkaitan dengan isu yang melibatkan kaum dan agama. Dalam hal ini, pertimbangan kepada kawalan dalam sesetengah perkara adalah sangat perlu bagi mengelakkan pepecahan dalam sesebuah masyarakat. Justeru, masyarakat perlu dididik agar faham dengan keperluan kepada beberapa jenis konten demi menjaga keharmonian negara. Terutamanya bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia, keperluan kepada meraikan perbezaan adalah lebih baik berbanding menggunakan perbezaan sebagai alat untuk mengaut keuntungan media.

RUJUKAN

- Adeyeri, O. (2011). Media democracy and human rights in plural states. The case of Nigeria. *Journal of Sustainable Development in Africa*, 13(8), 120-128.
- Leong, P. (2015). Political communication in Malaysia. A study on the use of new media in politics. *Journal of Democracy*, 7(1), 46-71.

- Mohd Zuwairi Mat Saad, Normah Mustaffa, Abdul Latiff Ahmad & Badrul Redzuan Abu Hassan (2016). Transformasi corak penulisan berita dalam akhbar arus perdana Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(1), 300-310.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein (2014). Analisis kualitatif pemingkalian akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai kontroversi majlis "Thanksgiving" di DUMC. *Jurnal Komunikasi*. 30(1), 117-145.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein (2014). Unilateral conversion controversy in Malaysia: a study on news coverage by The Star newspaper. Proceedings of the International Conference on Psychology and Communication 2018 (ICPC 2018). [https://doi.org/10.2991.icpc-18.2019.22](https://doi.org/10.2991/icpc-18.2019.22)
- Nur Amali Aminnuddin (2020). Ethnic differences and predictors of racial and religious discriminations among Malaysian Malays and Chinese. *Cogent Psychology*, 7(1), 1766737. <https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1766737>
- Safiyah Ahmad Sabri & Zaridah Abdullah (2022). News reporting on religious issues: Malaysian media practitioners' perspective. *Malaysian Journal of Communication*, 38(3), 291-303. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3803-18>